



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

SIARAN AKHBAR COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

03 Syawal 1444 / 24 April 2023

1. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah agak mendatar di mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 175 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 171 kes sehari. Sebanyak 13,033 keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 9.3% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan **dua kes** di dalam Kategori 4 yakni yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sehingga kelmarin, 23 April 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.2%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **12.1%** juga telah mendapatkan dos keempat.

2. Pada hari ini, sebanyak **162 kes baru** telah dilaporkan iaitu 160 adalah daripada hasil ujian ART dan 2 kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Di kesempatan ini Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Syawal 1444H / 24 April 2023